

>> **Selain** jenis kampung tempatan, durian kualiti premium seperti **udang merah** dan 101 turut disediakan kepada media

HARIAN METRO

RENUGANTH (tengah) bersama sebahagian media yang hadir pada program Jom Makan Durian dan Buah-buahan Tempatan Bersama Media.



Jamu media durian

■ **UPM anjur Jom Makan Durian dan Buah-buahan Tempatan**

Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@hmetro.com.my

Serdang

Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan program menarik, Jom Makan Durian dan Buah-buahan Tempatan Bersama Media di Putra Garden Cafe, Fakulti Pertanian, baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) Profesor Dr Ing. Ir V Renuganth berkata, prog-

ram itu bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan media dalam meningkatkan lagi imej, identiti serta reputasi universiti berkenaan.

Katanya, meskipun la-dang durian universiti itu seperti kurang menjadi sedikit tahun ini kerana faktor cuaca El-Ni-no, namun pihaknya tidak mahu menghampakan rakan-rakan media dan mendapatkan bekalan dari

tempat lain dengan bantuan Unit Inukasi Usahawatani Fakulti Pertanian.

"Kami akui media banyak membantu menghebahkan aktiviti dan pencapaian universiti ke pengetahuan rakyat, pemimpin dan pihak berkepentingan di seluruh negara.

"Justeru, majlis ramah mesra sambil menikmati jamuan durian serta

buah-buahan tempatan ini adalah satu usaha yang universiti lakukan bagi menghargai sumbangan pihak media selama ini," katanya ketika ditemui.

Sementara itu, lebih 100 wakil media hadir ke majlis berkenaan dan kebanyakannya gembira kerana buah-buahan yang disediakan adalah terbaik dari segi kualitinya.

Selain jenis kampung tempatan, durian kualiti premium seperti udang merah dan 101 turut disediakan kepada media.

FAKTA
Lebih 100 wakil media hadir ke majlis berkenaan